

Hakisan tebing sungai diatasi

Kegagalan Jakoa mengendali permasalahan, ditangani kerajaan negeri

KUALA KUBU BHARU – Kerajaan negeri terpaksa mengambil inisiatif sendiri membaiki tebing sungai yang terhakis dan jalan rosak di laluan utama Kampung Orang Asli Buluh Telor.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, masalah yang berlaku sejak Mac lalu itu, didakwa langsung tidak dipandang serius oleh agensi bertanggungjawab sehingga membebankan kira-kira 120 penduduk yang menggunakannya.

“Selepas pilihan raya umum (PRU) saya mendesak kerajaan negeri mengambil tindakan kerana masalah ini di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa). Tapi, saya nampak tidak ada tindakan dari sana, jadi saya desak kerajaan negeri ambil tindakan.

“Saya menghantar spesifikasi yang perlu dibuat kepada kerajaan negeri dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) bagi tujuan

menyalurkan peruntukan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDTHS) seterusnya menyediakan gabien (batu sangkar) untuk tebing sungai. Sementara, jalan yang rosak akan diturap semula,” katanya selepas meninjau masalah tersebut, semalam.

Turut serta, Pegawai Perhubungan Perkampungan, Chng Boon Lai; Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor, K Suppiah; dan Batin, Harun Adan.

Kee Hiong berkata, hakisan di tebing anak Sungai Selangor itu menyebabkan jalan yang menghubungkan kampung Orang Asli runtuh sejak Mac lalu. Malah, keadaan bertambah buruk apabila cuaca hujan berterusan dan membawa arus lebih deras.

Katanya, hakisan teruk turut mengakibatkan jalan menjadi sempit sehingga memaksa penduduk menggunakan bahu jalan yang terdapat



Kee Hiong (dua, kiri) bersama Boon Lai (kiri) dan Harun (dua, kanan) ketika melawat perkampungan tersebut, semalam.

saluran paip di bawah tanah.

“Batin turut memberitahu ada satu lagi kawasan yang turut terjejas akibat hakisan, jadi saya kena minta lagi kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan sama. Jangan di

sini sudah siap di sana pula runtuh.

“Saya memohon peruntukan keseluruhan RM91,000 untuk membaiki kedua-ke dua kawasan yang terjejas akibat hakisan. Tetapi Upen hanya menyalurkan peruntukan

RM20,000 untuk batu sangkar dan lebih kurang RM13,000 bagi membaiki jalan. Peruntukan tersebut tidak mencukupi kerana ada satu lagi kawasan yang turut terjejas, jadi perlu buat desakan lagi,” katanya.

Beliau berkata, jalan tersebut menjadi laluan anak-anak kampung ke sekolah dan kerosakan jalan membahayakan keselamatan mereka ketika menaiki van sekolah setiap hari.

Justeru, beliau berharap masalah tersebut dapat diselesaikan segera.

Sementara itu, Harun turut melahirkan rasa syukur di atas kesungguhan kerajaan negeri mengatasi masalah penduduk kampung.

Katanya, penduduk berharap kerajaan negeri dapat memberi perhatian jika terdapat masalah lain yang berlaku di kawasan mereka.

“Pemasangan batu sangkar sudah dimulakan seminggu lalu dan penduduk harap ia dapat disiapkan dalam masa terdekat,” katanya.